



## **SIARAN MEDIA**

### **KARNIVAL ALAM SEKITAR DAN KEPENGGUNAAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2019**

Orang ramai dijemput datang bagi memeriahkan Karnival Alam Sekitar dan Kepenggunaan 2019 yang akan berlangsung pada 16 November 2019, Sabtu bertempat di Padang Awam, Dataran Setia, Tasik Biru Kundang dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 malam. Program ini akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan sepanjang karnival ini berlangsung. Antaranya adalah Pertandingan Plogging: 'Trash To Cash' yang dibuka penyertaannya kepada semua pengunjung. Kaunter pendaftaran pertandingan ini akan dibuka seawal jam 7.30 pagi dan 300 pendaftaran terawal akan diberikan t-shirt program secara percuma.

Selain itu, akan diadakan juga Pertandingan Mewarna untuk kanak-kanak berusia 6 hingga 12 tahun, Pertandingan Mural Tong MGB untuk kategori remaja dan terbuka, Sukaneka Alam Sekitar dan Sukan Rakyat bagi kategori terbuka berkumpulan, Taklimat Kepenggunaan, Pertandingan Pidato dan Nyanyian Alam Sekitar oleh pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah sekitar Kuang dan Kundang, dan lain-lain lagi aktiviti untuk para pengunjung yang hadir. Pelbagai pameran oleh agensi-agensinya kerajaan turut diadakan pada karnival ini.

Selain itu juga, sebanyak 50 cabutan bertuah turut disediakan untuk para pengunjung sepanjang karnival ini berlangsung dengan menawarkan hadiah-hadiah yang menarik. Kemuncak karnival pada sebelah malamnya pula akan dimeriahkan dengan Pertandingan Akhir Karaoke, Persembahan Muzik Unplugged dan acara penyampaian hadiah.

Diharapkan penganjuran Karnival Alam Sekitar dan Kepenggunaan MPS ini berjaya mencapai matlamat dalam membentuk budaya masyarakat yang lebih prihatin terhadap penjagaan kebersihan alam sekitar dan amalan kitar semula, hak-hak kepenggunaan serta dapat mengukuhkan lagi ikatan kekeluargaan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 03-6126 6079 atau layari [www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my).

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

**EN.MOHAMAD ZIN BIN MASOAD**, A.M.S.

Pengarah,  
Jabatan Korporat  
b/p Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800 / 019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 14 November 2019